Journal of MANAGEMENT & MUAMALAH
Jurnal Pengurusan dan Muamalah e-ISSN: 2180-1681

Vol. 16, No. 2 (2026) eISSN 2180-1681
https://doi.org/10.53840/jmm.v16i2.339

Evolusi dan Perkembangan Penyelidikan Inklusiviti di Tempat Kerja: Analisis Bibliometrik

Salina Mohammed Rashid & Alawiyah Tengah*

Faculty of Economics, Accountancy and Management, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

**Corresponding author: alawiyah@uis.edu.my*

ABSTRAK

Isu inklusiviti di tempat kerja semakin mendapat perhatian dalam wacana pengurusan moden, namun pelaksanaannya masih belum menyeluruh dan konsisten dalam banyak organisasi. Ketidakseimbangan peluang, diskriminasi tersirat, dan kekurangan dasar sokongan menjadi antara penghalang utama kepada pembentukan persekitaran kerja yang benar-benar inklusif. Walaupun kesedaran terhadap kepentingan inklusiviti semakin meningkat, masih terdapat jurang antara prinsip dan amalan, menjadikan usaha ke arah tempat kerja yang inklusif sebagai cabaran berterusan. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji evolusi penyelidikan berkaitan inklusiviti di tempat kerja; mengenal pasti bidang-bidang utama yang menjadi tumpuan dalam wacana akademik, serta mengkaji penyumbang utama yang telah membentuk landskap penyelidikan dalam bidang ini. Bagi mencapai objektif ini, kajian telah menggunakan pendekatan bibliometrik dengan menganalisis 796 artikel yang direkodkan dalam pangkalan data Scopus. Analisis dilakukan dengan menelusuri metadata artikel seperti tahun penerbitan, bidang disiplin, kata kunci, negara asal penyelidik, dan indeks kutipan. Data dianalisis dengan melihat sejauh mana banyaknya kajian yang diterbitkan dan pengaruhnya, serta bagaimana penyelidik dan institusi saling bekerjasama dalam rangkaian penyelidikan. Analisis dijalankan menggunakan Biblioshiny dan VOSviewer untuk mengvisualisasikan aliran semasa penyelidikan. Dapatan menunjukkan peningkatan ketara dalam penerbitan sejak pertengahan 2000-an, dengan dominasi disiplin sains sosial dan perniagaan serta penekanan terhadap konsep kepimpinan inklusif dan inklusiviti sosial. Analisis turut mengenal pasti negara penyumbang utama seperti Indonesia, Amerika Syarikat dan Jordan. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas tentang perkembangan penyelidikan inklusiviti, sekali gus menyediakan panduan kepada organisasi, pembuat dasar dan penyelidik dalam memperkukuh amalan serta agenda penyelidikan berkaitan inklusiviti di tempat kerja. Dapatan kajian turut mencadangkan pembangunan kerangka pelaksanaan inklusiviti yang holistik, berasaskan bukti dan selari dengan keperluan budaya serta transformasi digital semasa.

Kata kunci: Inklusiviti; Tempat Kerja; Bibliometrik; Organisasi

Received:
May 5, 2026

Revised:
June 25, 2026
November 23, 2026

Accepted:
November 24, 2026

Online Published:
November 27, 2026

ABSTRACT

Workplace inclusivity issues have increasingly gained attention in modern management discourse; however, implementation remains neither comprehensive nor consistent across many organizations. Imbalances in opportunities, implicit discrimination, and the lack of supportive policies are among the main barriers to creating a truly inclusive work environment. Although awareness of the importance of inclusivity is growing, there is still a gap between principles and practice, making efforts toward an inclusive workplace an ongoing challenge. This article aims to examine the evolution of research related to workplace inclusivity; identify the key areas of focus in academic discourse; and analyze the main contributors who have shaped the research landscape in this field. To achieve these objectives, the study employed a bibliometric approach by analyzing 796 articles recorded in the Scopus database. The analysis explored article metadata such as year of publication, disciplinary fields, keywords, researchers' countries of origin, and citation indices. Data were analyzed by assessing the volume of published studies and their influence, as well as mapping research networks and institutional collaborations. The analysis was conducted using Biblioshiny and VOSviewer to visualize current research trends. The findings reveal a significant increase in publications since the mid-2000s, with dominance in the social sciences and business disciplines, and a strong emphasis on inclusive leadership and social inclusion. The analysis also identified key contributing countries such as Indonesia, the United States, and Jordan. This study contributes to a deeper understanding of the evolution of workplace inclusivity research, offering valuable insights for organizations, policymakers, and researchers in enhancing inclusive workplace practices and shaping future research directions. The findings further support the development of a holistic and evidence-based inclusivity implementation framework that is responsive to cultural contexts and contemporary digital transformation.

***Keywords**: Inclusivity; Workplace; Bibliometrics; Organization*

PENGENALAN

Perubahan dalam pasaran tenaga kerja global dan peningkatan kesedaran mengenai hak-hak asasi manusia turut memperkukuh kepentingan inklusiviti di tempat kerja. Dalam era digital dan globalisasi, organisasi perlu memastikan tempat kerja mereka mencerminkan kepelbagaian dan iklusiviti masyarakat. Organisasi yang lebih inklusif bukan sahaja mampu menarik bakat yang lebih pelbagai, tetapi juga lebih berjaya dalam mengekalkan pekerja, meningkatkan produktiviti, dan meningkatkan kepuasan kerja. Dapatan ini disokong oleh kajian Shore et al. (2011) yang menyatakan bahawa inklusiviti pekerja sebagai 'orang dalam' meningkatkan komitmen organisasi, manakala Cox dan Blake (1991) menekankan bahawa kepelbagaian yang diurus dengan baik meningkatkan keunggulan kompetitif melalui kreativiti dan penyelesaian masalah yang lebih baik. Malah, inklusiviti sering dikaitkan dengan inovasi yang lebih tinggi kerana pelbagai perspektif dapat menyumbang kepada penyelesaian masalah yang lebih kreatif.

Inklusiviti melibatkan usaha aktif untuk memastikan setiap individu dalam organisasi diberi peluang yang setara, akses kepada sumber yang sama, dan pengiktirafan serta peluang pembangunan yang adil. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa organisasi yang mengamalkan budaya kerja yang lebih inklusif bukan sahaja menikmati prestasi yang lebih baik, tetapi juga lebih inovatif dan berdaya saing. Sebagai contoh, kajian McKinsey & Company (2020) mendapati syarikat dengan kepelbagaian jantina yang tinggi adalah 25% lebih berkemungkinan mencapai keuntungan di atas purata industri, manakala *World Economic Forum* (2024) melaporkan peningkatan produktiviti sebanyak 20% dalam organisasi inklusif. Selain itu, Laporan Tenaga Buruh Malaysia bagi Jun 2025 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh kekal stabil pada 69.1%, dengan peningkatan ketara dalam penyertaan wanita serta golongan muda dalam sektor formal, yang seterusnya memberi kesan langsung terhadap tahap daya saing organisasi dalam pasaran.

Pelaksanaan dasar inklusiviti di tempat kerja di Malaysia tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang kompleks. Walaupun kesedaran terhadap kepentingan inklusiviti semakin meningkat, banyak organisasi masih belum mempunyai dasar formal yang menyokong prinsip ini. Kajian oleh TalentCorp dan ILMIA menunjukkan bahawa hanya 38% organisasi di Malaysia mempunyai dasar kepelbagaian dan inklusiviti yang formal, walaupun 76% majikan mengakui bahawa kepelbagaian dan inklusiviti memberi impak positif kepada prestasi organisasi (TalentCorp & ILMIA, 2022). Antara cabaran utama yang dihadapi termasuklah kekurangan latihan dan kesedaran dalaman, ketidakseimbangan dalam kepimpinan, serta kesukaran menguruskan tenaga kerja yang pelbagai dari segi budaya, bahasa, dan latar belakang (Salsify, 2023). Di samping itu, sesetengah organisasi bimbang bahawa pelaksanaan dasar inklusif mungkin menjejaskan struktur sedia ada atau menimbulkan konflik dalaman, menyebabkan mereka enggan mengambil langkah pro-aktif.

Penyelidikan akademik mengenai inklusiviti di tempat kerja masih terhad dari segi keluasan dan kedalaman, meskipun isu ini semakin kritikal dalam konteks pengurusan sumber manusia moden. Ketiadaan kajian bibliometrik yang sistematik dan komprehensif menyukarkan pemahaman terhadap arah aliran penyelidikan, jurang pengetahuan, dan penyumbang utama dalam bidang ini. Sehubungan itu, kajian ini meneliti evolusi penyelidikan mengenai inklusiviti di tempat kerja dengan tujuan menyediakan panduan yang jelas untuk penyelidikan serta amalan masa hadapan.

PENYATAAN MASALAH

Isu inklusiviti di tempat kerja semakin mendapat perhatian dalam wacana akademik dan praktikal, selaras dengan tuntutan global terhadap keadilan sosial dan pengurusan sumber manusia yang lebih saksama. Walaupun pelbagai organisasi telah menggubal dasar dan melaksanakan inisiatif untuk memupuk persekitaran kerja yang inklusif, pelaksanaannya dalam konteks sebenar masih belum mencapai tahap yang diharapkan. Jurang antara polisi dan amalan terus wujud, mengakibatkan ketidaksamaan peluang, diskriminasi tersirat, dan pengurusan bakat yang tidak adil, khususnya terhadap golongan minoriti dan individu berkeperluan khas. Mereka sering dinafikan peluang kenaikan pangkat dan akses kepada projek penting meskipun memiliki kelayakan dan prestasi yang setanding. Menurut kajian oleh Swain et al. (2025), terdapat cabaran dari segi praktikal dalam pelaksanaan amalan inklusiviti di tempat kerja serta peluang untuk penambahbaikan dasar dan latihan organisasi secara global. Kesannya, jurang antara dasar dan amalan sebenar ini bukan sahaja menjejaskan moral pekerja, tetapi juga meningkatkan kadar pusing ganti dan merosakkan reputasi organisasi.

Kajian terdahulu seperti oleh Garg & Sangwan (2021) menunjukkan perkembangan dalam penyelidikan kepelbagaian dan inklusiviti dari tahun 2010 hingga 2017, namun menekankan keperluan untuk kajian lanjutan yang lebih mendalam dan hasil yang lebih praktikal. Kajian oleh Tamilarasi & Krishnakumar (2024) menekankan bahawa pendekatan terhadap kepelbagaian, ekuiti dan inklusiviti (DEI) berbeza mengikut konteks budaya dan organisasi. Walaupun terdapat peningkatan kesedaran global, pelaksanaan DEI masih berdepan cabaran seperti kekurangan data, penolakan budaya organisasi, dan ketidaksamaan struktur. Lebih membimbangkan, penyelidikan akademik yang menyeluruh dan terkini mengenai isu inklusiviti di tempat kerja masih terhad. Oleh itu, kajian bibliometrik diperlukan untuk mengenal pasti arah aliran penyelidikan dan menyokong pembentukan dasar DEI yang lebih berkesan dan kontekstual. Justifikasi kajian ini adalah untuk mengisi jurang pengetahuan (*knowledge gap*) memandangkan penyelidikan akademik yang memetakan evolusi inklusiviti secara sistemik masih terhad. Kajian ini penting dalam menyediakan asas empirikal yang kukuh bagi pembentukan dasar pengurusan sumber manusia yang lebih adil dan berkesan, sekali gus mengelakkan pelaksanaan pembaharuan dasar tanpa sokongan bukti yang nyata. Tanpa analisis sedemikian, usaha pembaharuan dasar organisasi berisiko terlewat dan tidak berasaskan bukti kukuh, sekali gus mengekalkan ketidaksamaan sedia ada dan menghalang kemajuan ke arah tempat kerja yang benar-benar inklusif.

Kajian terkini oleh Prathyusha & Kilaru (2025) menunjukkan bahawa penyelidikan dalam bidang kepelbagaian, kesaksamaan dan inklusiviti telah berkembang secara signifikan dari segi konsep dan tema, namun masih terdapat kekurangan dalam pemetaan penyelidikan yang menyeluruh. Sementara itu, Udin & Dananjoyo (2025) mendapati bahawa kajian mengenai kepimpinan inklusif masih berselerak dan belum mempunyai asas teori yang kukuh, meskipun jumlah penerbitan dalam bidang tersebut menunjukkan peningkatan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang kritikal dalam literatur dengan melaksanakan analisis bibliometrik terhadap sejarah dan perkembangan inklusiviti di tempat kerja. Melalui pendekatan ini, terdapat tiga objektif utama kajian iaitu 1) Mengkaji evolusi penyelidikan berkaitan inklusiviti di tempat kerja, 2) mengenal pasti bidang-bidang utama yang menjadi tumpuan dalam wacana akademik, serta 3) mengkaji penyumbang utama yang telah membentuk landskap penyelidikan dalam bidang ini. Hasil kajian dijangka dapat menyediakan asas empirikal yang kukuh bagi pembentukan dasar dan amalan organisasi yang lebih adil, inklusif, dan berkesan.

SOROTAN LITERATUR

Definisi Inklusiviti

Konsep inklusiviti di tempat kerja telah berkembang secara dinamik dalam literatur akademik, mencerminkan pelbagai dimensi yang saling berkait antara individu dan organisasi. Mor Barak & Cherin (1998) memperkenalkan inklusiviti sebagai satu spektrum yang bergantung kepada tahap penglibatan individu dalam proses kritikal organisasi. Pendekatan ini menekankan bahawa inklusiviti bukanlah keadaan mutlak, tetapi bergantung kepada sejauh mana pekerja diberi ruang untuk menyumbang secara bermakna. Walau bagaimanapun, evolusi teori menunjukkan peralihan penting apabila Shore et al. (2011) memperkenalkan dimensi 'rasa dipunyai' (*belongingness*), di mana inklusiviti tidak lagi dilihat sebagai penglibatan fungsian semata-mata, tetapi tahap di mana keunikan individu dihargai sebagai 'orang dalam'.

Mor Barak (2000) kemudian mengembangkan idea ini dengan menggambarkan inklusif sebagai interaksi antara ciri-ciri peribadi individu dan persekitaran tempat kerja, yang mempengaruhi sejauh mana pekerja merasakan diri mereka diterima dan dihargai. Ini selaras dengan pandangan Shore et al. (2011), yang melihat inklusi sebagai tahap di mana pekerja bukan sahaja dianggap sebagai sebahagian daripada kumpulan, tetapi juga dilayan sebagai 'orang dalam' dengan ciri-ciri unik serta nilai tersendiri dalam organisasi. Takrifan umum oleh Ferdman (2017) tentang inklusiviti adalah dalam organisasi dan masyarakat yang inklusif, individu dari pelbagai identiti dan gaya boleh menjadi diri mereka sebagai anggota organisasi atau masyarakat untuk memberi sumbangan lebih besar dan secara kolektif. Pandangan Mor Barak (2000) dan Ferdman (2017) mendedahkan satu konsensus akademik iaitu inklusiviti yang berjaya memerlukan keseimbangan antara mengekalkan identiti unik individu dan integrasi mereka ke dalam kolektif organisasi. Persamaan ini menunjukkan bahawa kegagalan organisasi sering berpunca daripada pendekatan 'asimilasi paksa' yang mengabaikan keunikan tersebut, sekali gus mewujudkan jurang antara dasar formal dan pengalaman sebenar pekerja.

Secara keseluruhan, inklusiviti di tempat kerja merujuk kepada tahap penglibatan, penerimaan, dan penghargaan terhadap individu dalam proses kritikal organisasi. Ia menekankan penciptaan persekitaran kerja yang membolehkan setiap pekerja menjadi diri mereka sendiri tanpa perlu menyesuaikan diri secara paksa dengan norma dominan. Dalam konteks ini, inklusiviti bukan sekadar toleransi terhadap perbezaan, tetapi pengiktirafan dan pemanfaatan kepelbagaian sebagai sumber kekuatan organisasi.

Amalan Inklusiviti dalam Organisasi

Penyelidikan mengenai inklusiviti di tempat kerja telah melalui perkembangan yang signifikan, bermula dari awal tahun 1940-an dan semakin mendapat perhatian pada dekad-dekad terakhir. Menurut kajian terdahulu, tempat kerja yang lebih inklusif bukan sahaja lebih berkesan dari segi prestasi kewangan, tetapi juga lebih mampan dalam jangka masa panjang (Shore et al., 2011). Kajian oleh Cox & Blake (1991) menekankan bahawa kepelbagaian di tempat kerja boleh meningkatkan inovasi dan kreativiti dalam organisasi. Walaubagaimanapun, pelaksanaan strategi inklusif masih sering berhadapan dengan halangan budaya, struktur organisasi, dan bias dalam proses pengambilan dan pengurusan bakat.

Di samping itu, peristiwa global seperti pandemik COVID-19 telah mengubah dinamik kerja secara mendalam. Penyelidikan terkini menunjukkan bahawa pandemik tersebut telah mempercepatkan peralihan kepada kerja jarak jauh, yang memperkenalkan cabaran baru terhadap inklusiviti, terutamanya dari segi akses kepada teknologi dan keseimbangan kehidupan-kerja (Van der Lippe & Lippényi, 2020). Kajian oleh Rezai et al. (2020) menekankan keperluan untuk menilai semula ukuran psikometrik berkaitan inklusiviti, termasuk aspek kesahan kandungan, kebolehpercayaan dan responsif. Kajian susulan oleh Rezai et al. (2022) melalui semakan skop literatur kualitatif mendapati bahawa halangan sikap organisasi merupakan cabaran paling lazim dalam pelaksanaan strategi inklusif, menunjukkan bahawa perubahan budaya kerja adalah elemen penting dalam usaha ini.

Dalam mendepani era transformasi organisasi yang dinamik, kepimpinan inklusif dikenal pasti sebagai ejen perubahan kritikal yang bukan sekadar menyokong program inklusiviti, malah menjadi asas kepada pembentukan persekitaran kerja yang adil, saksama, dan responsif terhadap kepelbagaian. Secara analitikal, Roberson (2006) menegaskan bahawa keberkesanan dan kelestarian inisiatif inklusiviti di tempat kerja amat bergantung kepada kualiti kepimpinan dalam mengemudi kepelbagaian tersebut. Hasil kajian Nembhard & Edmondson (2006) serta Liu et al. (2024) mendedahkan hubungan timbal balik antara kepimpinan dan dinamika

psikologi pekerja; di mana pemimpin yang inklusif bukan sahaja menjamin keselamatan psikologi yang memacu prestasi organisasi, malah melalui mekanisme maklum balas pembangunan, mereka secara langsung meningkatkan semangat serta kesejahteraan psikologi individu. Kepentingan model kepimpinan ini semakin terserlah dalam mendepani krisis global, di mana Bratianu & Paiuc (2023) mendapati bahawa kepelbagaian dalam kepimpinan pelbagai budaya merangkumi latar belakang pendidikan serta kebolehan fizikal dan mental menjadi pemacu utama kepada amalan inklusif yang lebih menyeluruh sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Justeru, literatur ini secara kolektif memberikan justifikasi bahawa kepimpinan inklusif merupakan prasyarat strategik dalam merapatkan jurang antara dasar formal organisasi dengan pengalaman inklusiviti bagi setiap pekerja.

Penyelidikan terkini memperkukuh anjakan paradigma inklusiviti daripada sekadar norma sosial kepada strategi pengurusan yang bersifat dinamik dan struktural. Mukupa et al. (2023) menghujahkan secara kritis bahawa inklusiviti bukan bersifat statik, sebaliknya ia merupakan satu strategi yang berkembang melalui interaksi berterusan antara individu, organisasi, dan persekitaran luaran. Dimensi ini diperluaskan oleh Tagliaro et al. (2024) yang membuktikan bahawa keberkesanan strategi tersebut amat bergantung kepada reka bentuk tempat kerja yang holistik, merangkumi aspek fizikal dan budaya kerja bagi menjamin penyertaan aktif setiap lapisan pekerja. Walau bagaimanapun, satu kritikan penting dibangkitkan oleh Nguyen et al. (2024) yang menyatakan bahawa walaupun pengiktirafan terhadap strategi DEI (*Diversity, Equity, and Inclusion*) semakin meningkat, pelaksanaannya dalam kebanyakan organisasi masih bersifat kabur dan tidak konsisten. Oleh itu, bagi merapatkan jurang antara teori dan praktikal, pendekatan yang lebih sistematik dan berasaskan bukti (*evidence-based*) adalah amat diperlukan untuk mentransformasikan dasar formal kepada pembentukan budaya kerja yang benar-benar inklusif.

Secara keseluruhan, kajian literatur ini menunjukkan bahawa inklusiviti di tempat kerja bukan sahaja berkait rapat dengan prestasi organisasi, tetapi juga dengan kesejahteraan psikologi dan keadilan sosial. Penyelidikan masa depan perlu memberi tumpuan kepada keberkesanan strategi inklusif dalam konteks kerja hibrid dan digital, serta menilai impaknya terhadap pelbagai dimensi organisasi secara lebih menyeluruh dan rentas budaya.

Sejarah dan Perkembangan Penyelidikan Inklusiviti di Tempat Kerja

Penyelidikan mengenai inklusiviti di tempat kerja telah berkembang secara dinamik sejak beberapa dekad lalu, mencerminkan perubahan sosial, ekonomi dan teknologi yang berlaku dalam persekitaran kerja global. Pada era 1960-an hingga 1980-an, kajian awal banyak dipengaruhi oleh gerakan hak sivil dan dasar tindakan afimatif di Amerika Syarikat, yang menekankan keperluan untuk menangani diskriminasi kaum dan jantina dalam organisasi (Thomas, 1990). Fokus utama ketika itu adalah untuk mewujudkan peluang yang sama rata bagi kumpulan minoriti dan wanita dalam pasaran kerja.

Menjelang tahun 1990-an dan awal 2000-an, penyelidikan mula beralih kepada pendekatan organisasi yang lebih menyeluruh, dengan menekankan peranan budaya kerja, kepimpinan inklusif dan pengurusan sumber manusia dalam membentuk persekitaran kerja yang menyokong kepelbagaian (Roberson, 2006). Kajian menunjukkan bahawa organisasi yang mengamalkan nilai inklusif bukan sahaja meningkatkan kepuasan kerja tetapi juga prestasi dan inovasi dalam kalangan pekerja (Shore et al., 2011).

Dalam dekad terkini, arah aliran penyelidikan telah berganjak secara signifikan ke arah pendekatan strategik yang mengintegrasikan dimensi interseksionaliti secara kritis. Dimensi ini melangkaui pengurusan kepelbagaian secara tradisional dengan menganalisis bagaimana persilangan identiti- seperti etnik, jantina, ketidakupayaan, dan orientasi seksual-berinteraksi dalam struktur kuasa organisasi (Crenshaw, 1989; Ferdman & Deane, 2014). Selain itu, hasil kajian Ayoko dan Fujimoto (2024) menunjukkan bahawa pendekatan interseksionaliti ini memperluas pemahaman terhadap pengalaman pekerja terpinggir, di mana identiti berganda dan status sosioekonomi membentuk pengalaman kerja yang kompleks, unik, serta sering terdedah kepada diskriminasi tersirat (*implicit discrimination*) yang tidak dapat dikesan melalui lensa satu dimensi.

Kepentingan konteks luaran turut menjadi tumpuan dalam organisasi kontemporari, di mana penyelidikan kini menilai impak kerangka perundangan nasional, seperti Undang-Undang Cipta Kerja di Indonesia, terhadap akses dan ekuiti golongan kurang upaya (ILO, 2024). Fenomena ini membuktikan bahawa inklusiviti bukan sekadar hasil daripada amalan dalaman organisasi, malah merupakan respons strategik terhadap dasar negara yang menyokong peluang saksama. Secara umumnya, inklusiviti di tempat kerja telah berevolusi daripada bukan sekadar tanggungjawab moral tetapi kepada strategi organisasi yang kritikal. Justeru, penyelidikan masa hadapan perlu memperkukuh pendekatan holistik yang menyepadukan elemen budaya organisasi, dasar nasional, dan transformasi digital bagi memastikan ekosistem tempat kerja kekal mampan dalam landskap ekonomi yang semakin mencabar (Nishii, 2013; Nguyen et al., 2024)

Perubahan dasar ini menunjukkan bahawa inklusiviti bukan sahaja dipengaruhi oleh amalan dalaman organisasi, tetapi juga oleh kerangka perundangan dan dasar negara yang menyokong hak dan peluang yang saksama untuk semua. Kajian lepas menunjukkan bahawa inklusiviti di tempat kerja telah berubah daripada isu moral dan sosial kepada strategi organisasi yang penting. Penyelidikan masa depan disarankan untuk memperkukuh pendekatan holistik dan kontekstual yang merangkumi budaya organisasi, dasar nasional dan transformasi digital bagi memastikan tempat kerja yang benar-benar inklusif dan mampan (Nishii, 2013).

Analisis Bibliometrik Inklusiviti

Analisis bibliometrik telah muncul sebagai pendekatan sistematik yang penting dalam menilai evolusi penyelidikan berkaitan inklusiviti merentas pelbagai sektor. Kajian oleh Garg dan Sangwan (2021) menunjukkan bagaimana pangkalan data berindeks seperti *Scopus* dan *Web of Science* digunakan untuk mengenal pasti aliran penyelidikan semasa dari tahun 2010 hingga 2017. Mereka mendapati peningkatan jumlah penerbitan dan kepelbagaian tema yang mencerminkan kepentingan global terhadap isu inklusiviti. Dhanasekar et al. (2023) pula menumpukan kepada sektor pembinaan, menganalisis 197 artikel antara tahun 2011 hingga 2023. Kajian ini bukan sahaja menunjukkan lonjakan signifikan dalam jumlah penyelidikan, tetapi juga peralihan fokus daripada dasar kepada pelaksanaan praktikal inklusiviti di tapak pembinaan.

Pendekatan bibliometrik melangkaui sekadar metrik kuantitatif dengan menawarkan pemetaan visual terhadap hubungan tematik dan jaringan penyelidikan yang kompleks. Sebagai contoh, kajian oleh Bratianu dan Paiuc (2023) memberikan bukti kritikal tentang bagaimana krisis global seperti pandemik COVID-19 (2019–2022) telah merumuskan semula pemacu utama dalam kepelbagaian dan inklusiviti, khususnya dalam konteks kepimpinan pelbagai budaya. Dengan memanfaatkan keupayaan analitik *VOSviewer*, penyelidikan tersebut mendedahkan bahawa faktor-faktor seperti latar belakang pendidikan, etnik, serta kebolehan fizikal dan

mental kini muncul sebagai pemacu utama (*new drivers*) yang mencorak landskap inklusiviti kontemporari. Ini membuktikan bahawa analisis bibliometrik bukan sekadar alat untuk mengukur impak penerbitan, tetapi merupakan instrumen strategik untuk mengenal pasti anjakan paradigma dan kolaborasi akademik yang signifikan. Oleh itu, penggunaan metodologi yang serupa dalam kajian ini adalah amat wajar bagi menyediakan 'kompas' akademik yang holistik dalam mengenal pasti arah tuju penyelidikan masa depan, sekali gus mengisi jurang pengetahuan mengenai cara organisasi mendepani cabaran inklusiviti dalam era transformasi yang semakin mencabar.

Selain analisis kuantitatif, pendekatan bibliometrik turut digunakan untuk memahami hubungan tematik dan jaringan penyelidikan. Bratiane & Paiuc (2023) telah membuat kajian bibliometrik mengenai kepelbagaian dan inklusiviti dalam kepimpinan pelbagai budaya sepanjang tahun 2019-2022. Analisis kajian adalah berdasarkan pangkalan data *Scopus* melalui *VOSviewer* versi 1.6.17, iaitu salah satu alat perisian akademik yang paling banyak digunakan untuk membina dan menggambarkan rangkaian bibliometrik. Hasil kajian mendapati sepanjang 4 tahun COVID (2019-2022) yang lalu, fenomena kepelbagaian dan inklusif dalam kepimpinan pelbagai budaya dan kebolehan fizikal atau mental, bangsa dan etnik serta latar belakang pendidikan adalah pemacu utama baru dalam kepelbagaian dan inklusiviti. Pendekatan ini membuktikan bahawa analisis bibliometrik bukan sahaja berfungsi untuk mengukur impak penerbitan, tetapi juga untuk mengenal pasti arah tuju penyelidikan dan kolaborasi akademik yang signifikan.

Secara keseluruhan, analisis bibliometrik merupakan salah satu kaedah yang bersepadu dan berimpak tinggi dalam penyelidikan inklusiviti**.** Penggunaan metodologi yang canggih serta sokongan teknologi seperti *VOSviewer* membolehkan penyelidik mengenal pasti pola tematik dan evolusi konsep dengan lebih mendalam. Penemuan ini memberi asas kukuh untuk penyelidikan masa depan yang lebih strategik, khususnya dalam konteks kepimpinan dan sektor pembinaan, serta memperkukuh pemahaman terhadap inklusiviti dalam organisasi moden.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan teknik bibliometrik untuk menjawab soalan penyelidikan. Analisis bibliometrik merupakan kaedah yang popular untuk meneroka literatur dan data berskala besar dalam jangka masa tertentu bagi menjelaskan aliran semasa serta menjejaki perubahan dalam sesuatu bidang saintifik (Benckendorff & Zehrer, 2013; Rey-Martí et al., 2016). Teknik ini membolehkan penyelidik mengenal pasti arah aliran dalam bidang tertentu, prestasi jurnal, corak kolaborasi, dan topik penyelidikan yang popular, serta mewujudkan asas pengetahuan berkaitan penyelidikan kepelbagaian dalam literatur sedia ada (Donthu et al., 2021).

Kajian analisis bibliometrik ini dengan menggunakan pangkalan data *Scopus* sebagai sumber utama. *Scopus* merupakan pangkalan data bibliografik yang komprehensif, merangkumi lebih daripada 27,000 jurnal dari pelbagai disiplin termasuk sains sosial, perubatan, dan kemanusiaan, menjadikannya sumber utama dalam analisis bibliometrik. Ia menawarkan metrik penilaian seperti *CiteScore*, *SCImago Journal Rank (SJR) dan Source Normalized Impact per Paper (SNIP)* yang membolehkan penilaian impak jurnal secara holistik, serta menyediakan antara muka carian yang mesra pengguna dengan fungsi analitik terbina seperti analisis sitasi dan visualisasi rangkaian pengarang (Bornmann et al., 2024; Elsevier, 2024). Tambahan pula, *Scopus* dikemas kini secara harian dan menyediakan metadata yang kaya

termasuk afiliasi institusi, kata kunci, dan abstrak, yang memperkukuh ketepatan dan kebolehpercayaan analisis.

Strategi Pencarian dan Pengumpulan Data

Daripada pangkalan data Scopus, pengkaji menggunakan carian sumber yang difokuskan kepada "tajuk artikel" bagi memastikan ketepatan dan relevansi terhadap topik inklusiviti di tempat kerja. Skop carian merangkumi semua jangka masa, bahasa, jenis sumber dan jenis dokumen tanpa sebarang penapisan, bagi membolehkan gambaran menyeluruh tentang perkembangan penyelidikan dalam bidang ini. Kriteria inklusiviti termasuk artikel jurnal yang diterbitkan dalam tempoh sebelum 8 Ogos 2024. Saringan dilakukan menggunakan rentetan carian (*search string*) tepat seperti yang digunakan dalam pangkalan data Scopus iaitu: *"work W/6 inclusi*AND NOT Workforce"*. Hasilnya, sebanyak 1,388 rekod yang dikenalpasti. Rekod yang dibuang adalah sebanyak 592 kerana berada diluar skop kajian. Sebanyak 796 rekod telah dianalisis.

Pembersihan dan Penyelarasan Data

Data yang dikumpul melalui pangkalan data telah dibersihkan dengan membuang rekod pendua. Dokumen jenis *erratum* juga telah ditapis keluar kerana ia merupakan pembetulan kepada penerbitan terdahulu dan bukannya artikel penyelidikan asli, bagi memastikan integriti data analisis. Data yang hilang atau tidak lengkap dikenalpasti dan ditangani secara manual atau dikecualikan daripada analisis. Proses ini penting bagi memastikan ketepatan analisis rangkaian dan pengiraan metrik bibliometrik.

Ukuran Bibliometrik


Ukuran bibliometrik yang digunakan termasuk (bilangan sitasi, kekerapan *co-citation*, dan *bibliographic coupling*). Metrik ini dikira menggunakan algoritma terbina dalam perisian analisis, dan penormalan dilakukan untuk mengimbangi perbezaan amalan sitasi antara bidang dan tempoh masa. Ini membolehkan perbandingan yang lebih adil dan bermakna antara penerbitan.

Analisis Data dan Alat

Analisis data dijalankan melalui visualisasi rangkaian menggunakan teknik seperti analisis kluster dan pemetaan kata kunci. Topik utama dan tema penyelidikan dikenalpasti melalui analisis *co-word* dan *co-authorship*. Analisis statistik tambahan dijalankan untuk menguji hipotesis dan mengenalpasti corak dalam data, termasuk aliran semasa penerbitan dan kolaborasi institusi.

Perisian yang digunakan dalam analisis ini termasuk VOSviewer untuk visualisasi rangkaian dan Biblioshiny (berasaskan R) untuk analisis bibliometrik lanjutan. Rajah 1, di bawah menunjukkan proses analisis data:

Rajah 1
Proses Analisis Data



DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan keputusan yang diperoleh daripada analisis bibliometrik yang berkaitan dengan soalan berikut: 1) Apakah evolusi penyelidikan berkaitan inklusiviti di tempat kerja; 2) Apakah bidang-bidang utama yang menjadi tumpuan dalam wacana akademik; 3) siapakah penyumbang utama yang telah membentuk landskap penyelidikan dalam bidang ini.

Evolusi dan Penyebaran Penyelidikan Inklusitiviti di Tempat Kerja

Untuk menangani persoalan evolusi penyelidikan inklusitiviti di tempat kerja dan trend dalam penyebarannya, kajian ini menganalisis data berikut: (a) jumlah penerbitan mengikut tahun, (b) tajuk sumber, (c) sumber dan jenis dokumen, dan (d) bahasa dokumen.

Berdasarkan Jadual 1 yang menunjukkan jumlah penerbitan berdasarkan tahun, ianya menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah penerbitan mengenai inklusiviti di tempat kerja sejak tahun 1947 hingga 2024. Pada tahun-tahun awal, penerbitan adalah terhad, dengan hanya satu penerbitan dalam 1947 dan jumlahnya adalah rendah sepanjang tahun 1960-an dan 1990-an. Lonjakan besar dalam penerbitan mula berlaku pada pertengahan 2000-an, dengan peningkatan yang ketara pada 2008 dengan 10 penerbitan. Jumlah penerbitan terus meningkat dengan ketara dalam dekad berikutnya, terutamanya dari 2018 hingga 2024, dengan jumlah penerbitan puncak sebanyak 166 pada 2023. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, peningkatan dramatik dalam jumlah penerbitan menunjukkan minat yang semakin meningkat dalam inklusiviti penyelidikan di tempat kerja. Indeks h, g dan m juga menunjukkan arah aliran menaik yang ketara, mencerminkan kesan yang lebih mendalam dalam tempoh masa ini. Secara keseluruhannya, trend ini menunjukkan evolusi penyelidikan yang progresif dan semakin relevan dalam isu tempat kerja.

Jadual 1

Jumlah Penerbitan (TP) Berdasarkan Tahun

Tahun	TP	NCA	NCP	TC	C/P	C/CP	h-index	g-index	m-index
1947	1	1	1	1	1.00	1.00	1	1	0.013
1968	1	1	0	0	0.00	0.00	0	0	0.000
1993	1	2	1	38	38.00	38.00	1	1	0.031
1995	1	1	0	0	0.00	0.00	0	0	0.000
1999	2	5	2	218	109.00	109.00	2	2	0.077
2000	2	2	2	197	98.50	98.50	2	2	0.080
2001	3	4	3	56	18.67	18.67	3	3	0.125
2002	4	5	3	35	8.75	11.67	3	4	0.130
2003	2	2	2	62	31.00	31.00	2	2	0.091
2004	4	5	4	219	54.75	54.75	4	4	0.190
2005	9	15	9	136	15.11	15.11	5	9	0.250
2006	3	8	3	38	12.67	12.67	3	3	0.158
2007	3	4	3	61	20.33	20.33	3	3	0.167
2008	10	14	5	64	6.40	12.80	3	8	0.176
2009	4	4	4	78	19.50	19.50	4	4	0.250
2010	10	25	9	332	33.20	36.89	7	10	0.467
2011	10	26	9	1245	124.50	138.33	6	10	0.429
2012	13	24	10	474	36.46	47.40	6	13	0.462
2013	14	34	14	185	13.21	13.21	5	13	0.417
2014	10	22	8	405	40.50	50.63	6	10	0.545
2015	25	71	22	743	29.72	33.77	11	25	1.100
2016	23	47	22	369	16.04	16.77	9	19	1.000
2017	29	86	26	464	16.00	17.85	12	21	1.500
2018	55	147	44	1172	21.31	26.64	15	33	2.143
2019	55	152	49	1015	18.45	20.71	14	31	2.333
2020	58	138	49	508	8.76	10.37	13	21	2.600
2021	78	200	54	582	7.46	10.78	13	21	3.250
2022	121	443	89	533	4.40	5.99	9	17	3.000
2023	166	534	91	405	2.44	4.45	10	13	5.000
2024	79	280	23	75	0.95	3.26	5	7	5.000
Jumlah	796	2302	561	9710	12.20	17.31	177	310	

Notes: TP=total number of publications; NCA=Number of contributing authors; NCP=number of cited publications; TC=total citations; C/P=average citations per publication; C/CP=average citations per cited publication; h=h-index; g=g-index; m=m-index.

Sumber: Dihasilkan oleh penulis menggunakan biblioMagika® (Ahmi, 2024)

Tajuk Sumber

Berdasarkan jadual yang dikemas kini, jurnal *Equality, Diversity and Inclusion* mendahului senarai tajuk sumber dengan 15 penerbitan, mewakili 1.88% daripada jumlah keluaran. *Frontiers in Psychology* diikuti dengan 10 penerbitan (1.26%), manakala *Personnel Review* mempunyai 8 penerbitan (1.01%). Penyumbang penting lain termasuk *International Journal of Human Resource Management* dengan 7 penerbitan (0.88%) dan *Human Resource Management International Digest* dan *Social Inclusion*, kedua-duanya menyumbang 6 penerbitan setiap satu (0.75%). Beberapa jurnal, termasuk *Journal of Vocational Rehabilitation, Handbook of Social Inclusion: Research and Practices in Health and Social Sciences*, dan *Disability and Society*, masing-masing menyumbang 5 penerbitan, membentuk 0.63% daripada jumlah keseluruhan. Sumber terkenal lain termasuk *IFAC-PapersOnLine*, *Journal of Management and Organization*, *Scandinavian Journal of Disability Research* dan *Group and Organization Management* yang kesemuanya turut menyumbang 5 penerbitan (0.63%). Jurnal ini menyerlahkan kepelbagaian platform yang menerbitkan penyelidikan tentang kepelbagaian dan kemasukan tempat kerja, mencerminkan sifat antara disiplin topik ini.

Jadual 2
Tajuk Sumber

Tajuk Sumber	TP	Peratus (%)
Equality, Diversity and Inclusion	15	1.88%
Frontiers in Psychology	10	1.26%
Personnel Review	8	1.01%
International Journal of Human Resource Management	7	0.88%
Human Resource Management International Digest	6	0.75%
Social Inclusion	6	0.75%
Journal of Vocational Rehabilitation	5	0.63%
Handbook of Social Inclusion: Research and Practices in Health and Social Sciences	5	0.63%
Disability and Society	5	0.63%
IFAC-PapersOnLine	5	0.63%
Journal of Management and Organization	5	0.63%
Scandinavian Journal of Disability Research	5	0.63%
Group and Organization Management	5	0.63%

Sumber dan Jenis Dokumen.

Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan dimana dokumen inklusitiviti di tempat kerja telah diterbitkan dengan menganalisis data berdasarkan jenis sumber dokumen. Berdasarkan jadual 2, majoriti penerbitan datang daripada jurnal, yang merangkumi 587 penerbitan (73.74%) daripada jumlah keseluruhan. Buku membentuk kategori kedua terbesar dengan 139 penerbitan, (17.46%). Prosiding persidangan diikuti dengan 42 penerbitan (5.28%), manakala siri buku menyumbang 23 penerbitan (2.89%). Penerbitan perdagangan adalah agak minimum, dengan hanya 4 penerbitan (0.50%), dan terdapat 1 sumber yang tidak ditentukan, membentuk hanya 0.13%. Statistik ini menyerlahkan bahawa jurnal adalah medium dominan untuk menyebarkan penyelidikan tentang kepelbagaian dan kemasukan tempat kerja, diikuti dengan buku dan prosiding persidangan, menunjukkan tumpuan yang kuat pada output akademik yang disemak rakan dalam bidang ini.

Jadual 3
Jenis Sumber

Jenis Sumber	Jumlah Penerbitan	Peratus (%)
Journal	587	73.74%
Book	139	17.46%
